

13 MAR 1998

Umno-Annuar

TUAN HASHIM KETUA UMNO KUBANG KRIAN

KOTA BAHARU, 13 Mac (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Kelantan mengambil keputusan melantik Timbalan Ketua Bahagian Umno Kubang Krian Tuan Mohamed Hashim Tuan Yaacob, sebagai Ketua bahagian itu sekarang.

Timbalan Pengerusi badan itu Datuk Annuar Musa berkata, anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Salor, Ahmad Rosli Ibrahim pula dilantik sebagai Timbalan Ketua bahagian bagi menggantikan tempat Tuan Mohamed Hashim.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat badan perhubungan Umno Kelantan di Kuala Lumpur dua hari lepas, katanya pada majlis taklimat kepada anggota perwakilan Umno bahagian itu di Sekolah Menengah Long Ghafar di sini hari ini.

Beliau berkata mesyuarat itu dipengerusikan Perdana Menteri dan Presiden Parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi badan perhubungan itu.

Pada 2 Mac lepas Majlis Tertinggi (MT) Umno membuat keputusan melucutkan hak keahlian Mat Zin Awang yang memegang jawatan itu sebelum ini dan melarangnya daripada bertanding bagi sebarang jawatan kerana melanggar arahan parti.

Annuar berharap semua anggota Umno di bahagian itu menerima keputusan itu dengan baik.

Mengenai bahagian-bahagian di Kelantan beliau berkata, kesemua jawatan ketua bahagian Umno di Kelantan tidak boleh dipertandingkan bagi pemilihan tahun ini sebagaimana yang diputuskan MT minggu lepas.

Beliau berkata, keputusan itu diambil semata-mata untuk menjaga perpaduan dan keutuhan parti terutamanya bagi menghadapi PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya sebarang keraguan dan perasaan tidak puas hati hendaklah dikikis demi kepentingan parti. -- BERNAMA

WM NMO